

ISLAM DALAM PEMBENTUKAN SASTERA MASYARAKAT SIVIL ALAF BARU*

Oleh
Prof. Madya Dr. Baharudin Ahmad
(Malaysia)

Sejak beberapa tahun yang lalu, usaha mengembalikan martabat Islam ke dalam sejarah bahasa dan sastera negara-negara Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura telah bermula. Sejak tahun-tahun 70-an dan 80-an malah hingga kini usaha penulisan Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas,¹ Prof. Shahnnon Ahmad, Prof. Md. Salleh Yaapar, Prof. Ali Haji Ahmad,² Dr. Shafie Abu Bakar,³ Dr. Syed Othman Syed Omar dan ramai lagi telah menyarankan secara langsung atau tidak langsung ke arah memunculkan semula semangat dan mesej Islam ke dalam sastera di Alam Melayu. Saya sendiri telah menulis beberapa buah kertas kerja serta penulisan yang mendesak supaya nilai serta martabat dan amalan sastera Islam itu dikembalikan ke dalam aliran sejarah sastera negara-negara di Alam Melayu.

Kertas kerja ini merupakan ulangan semula tentang apa yang pernah saya utarakan dan pandangan beberapa orang kawan yang turut serta dalam usaha ini. Dengan yang demikian kertas kerja ini merupakan saranan dan peringatan yang mungkin berulang kali didengari oleh penggiat dan peminat sastera serta budaya di negara ini dan mungkin juga di negara-negara jiran. Saya merasakan bahawa saranan dan pujukan yang dikemukakan di sini adalah penting dalam pencarian ke arah membentuk sastera masyarakat sivil alaf baru yang sama-sama kita tempuhi dan berharap ia akan direnungi sedalam-

* Kertas kerja ini dibentang pada Sidang Ke-40 MABBIM dan Ke-6 MASTERA di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru pada 12 - 16 Mac 2001 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹ Lihat penulisan beliau dalam *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Me* UKM, Kuala Lumpur, 1974.

² Lihat Ali Haji Ahmad dalam *Sastera Sufi*, Baharudin Ahmad (penyunting. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

³ Teori TAKMILAH yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar.

dalamnya untuk perbincangan dan perdebatan yang selanjutnya dengan harapan akan terus hidup dalam institusi intelektual di negara-negara di Alam Melayu.

Apabila berada dalam alaf baru, kita membicarakan bagaimana bentuk, bahasa, falsafah pemikiran sastera kita dalam alaf baru itu. Dari satu segi, seolah-olah kita tidak menentu dalam memilih tujuan serta isi sastera kita. Seolah-olah zaman dan masyarakat serta trend yang disogokkan itulah yang menentukan gaya dan bentuk sastera kita. Sejarah bangsa kita pada abad ke-20 terumbang-ambing sehinggakan kita memerlukan jati diri sastera kita semula ataupun mentafsirkan semula sastera kita menjelang era, abad atau alaf baru. Keadaan itu berlaku kerana penyakit pemikiran dan arah tuju kehidupan yang moden dan sekular sentiasa berubah dan mencari jalan baru, objektif kehidupan dan makna kehidupan dalam pemikiran dan falsafah. Cara ini bukannya gaya landasan pemikiran dan falsafah kita. Sastera kita sama ada sastera Melayu ataupun sastera Islam tidak berubah, iaitu tidak banyak berubah dalam meniti zaman. Ia tidak berprinsipkan perubahan yang berterusan ketika mendatangi setiap zaman dan abad, tetapi mempunyai ciri-ciri kekekalan sama seperti sastera kelompok bangsa manusia yang didatangi Islam sebagaimana yang terbayang dalam arus sejarah pemikiran masyarakat Islam. Demikian juga dengan falsafah pemikiran Cina dan Hindu serta tradisi keagamaan Timur dan Tradisional.⁴ Semuanya tidak cepat berubah apabila mendatangi setiap zaman dan abad.

Fakta ini jelas kelihatan dalam arus sejarah sastera kita sendiri yang kita lupakan atau kebelakangan berbanding dengan sejarah kesusasteraan yang digembar-gemburkan oleh para ahli sejarah sastera Barat sekular moden yang hanya melihat aliran sejarah dalam aliran yang pendek lagi dangkal. Kita mudah terpesona dengan pandangan ahli sejarah Barat yang sentiasa melihat sejarah

⁴ Lihat rencana J. Campbell dalam Eronus, Bolingen Series, University of Princeton Press, 1980.

sastera kita seperti pengalaman sejarah sastera mereka sendiri yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Salah satu bukti yang jelas menunjukkan bahawa sejarah sastera kita tidak sama seperti yang digambarkan ialah melalui usaha-usaha terbaru dalam aliran penciptaan sastera di Alam Melayu yang jelas menunjukkan bahawa kita ingin kembali semula kepada tradisi sastera kita zaman lampau, walaupun dari segi genre, masih belum ada perubahan yang jelas. Ini dapat dilihat dalam usaha Shahnnon, Muhammad Affandi Hassan, A. Samad Said, Kemala, Anuar Rethwan, Suhaimi Haji Muhammad, dan Zaihasra, dan juga dari segi teori sebagaimana yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar, Shahnnon dan Kassim Ahmad. Di Indonesia terdapat juga keinginan kembali kepada sekurang-kurangnya pemikiran keagamaan seperti yang tergambar dalam puisi Rendra, Abdul Hadi WM., Sutardji dan lain-lain.

Ini semua jelas menunjukkan yang kita ingin kembali kepada tradisi asal kita. Kembali kepada tradisi yang telah hilang daripada aliran sejarah sastera kita akibat daripada penjajahan pemikiran Barat sekular yang tidak mungkin akan kekal lama dalam pemikiran sastera dan falsafah sastera di rantau ini. Malah kita tidak perlu berubah dari segi pemikiran dan falsafah sastera. Tidak ada unsur lama dalam sastera itu yang akan membantutkan kemajuan zahir yang juga kita cita-citakan. Falsafah pemikiran Barat bukannya faktor mutlak yang membina sains dan teknologi Barat yang maju itu. Lebih daripada itu, inspirasi Timur terus hidup dalam aliran pemikiran serta tradisi sastera Barat yang sentiasa dalam keadaan mencuba sesuatu yang baru.

Seperti yang saya sentiasa ulang-ulangkan, sejarah pemikiran Barat adalah berlainan sama sekali daripada sejarah pemikiran Islam dan tradisi-tradisi agama Timur.⁵ Di Barat, sains muncul akibat daripada peninggalan agama, sedangkan di Timur, sains muncul kesan daripada kedatangan agama. Sains dan teknologi

⁵ Lihat Baharudin Ahmad, *Falsafah Sains Menurut Perspektif Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

China, India, Timur Tengah dan Parsi muncul dengan kemunculan agama dan sentiasa menjadi sebahagian daripada tradisi agama sedangkan di Barat, hal ini adalah bertentangan. Semangat serta penggunaan akal yang rasional dan tradisi intelektual telah muncul di Timur dalam aliran sejarah yang berbeza dengan di Barat.

Perkara ini harus jelas kepada kita kerana para orientalis tetap menyatakan bahawa dalam kes Islam misalnya, pengaruh Yunani kononnya yang membawa semangat rasional dan intelektual ke dalam sejarah Islam.⁶ Sebenarnya Islam dan para pemikirnya telah menjawab banyak persoalan yang tidak jelas dalam tradisi Yunani itu. Bagaimana pula dengan tradisi rasionalisme dan intelektualisme di India, Parsi dan China? Apakah Barat tidak mempelajari dan tidak terpengaruh dengan tradisi-tradisi Timur tersebut? Pemutarbelitan ilmiah ini harus difahami benar-benar oleh masyarakat Timur, terutamanya mereka yang terpelajar dalam sistem pendidikan moden kini. Malah masyarakat Islam seluruhnya, termasuklah yang berada dalam sistem pendidikan tradisional sebenarnya harus jelas tentang perkara ini. Usaha ini menjadi fardu kifayah bagi golongan pemikir Muslim memperjelas kegelapan yang menyelubungi fahaman sejarah yang terdapat kini dan mencerahkan suasana supaya sejarah pemikiran dan pengaruh Islam serta agama-agama utama itu benar-benar difahami.

Demikian juga dengan bahasa-bahasa Timur seperti bahasa Arab, Sanskrit dan bahasa-bahasa lain muncul dan berkembang akibat daripada tradisi agama masing-masing dan berkaitan dengan pemikiran agama masing-masing.⁷ Setiap bahasa dalam tradisi Timur adalah dianggap kudus dan tidak terputus daripada tradisi agama masing-masing. Demikian juga halnya dengan tradisi sastera. Sastera merupakan pancaran daripada agama dalam tradisi Timur. Situasi ini dapat dirujuk kepada karya-karya abad ke-20, iaitu karya Rumi dan Attar, Ibn

⁶ Lihat Majid Fakhry, *A History of Islamic Philosophy*, Mcmillan Press, London, 1975.

⁷ Lihat Ananda Coomaraswamy, *The Bugbear of Literacy*, Perennial Press, London, 1960.

`Arabi dan Saadi serta Shaykh Ahmad Alawi dalam Amir Hamzah di Alam Melayu. Demikian juga dengan Veda, Upanishad dan Bhagavadgita serta tradisi Vedanta dan Samkhya atau Zen dan Buddha Mahayana.

Dalam karya-karya Arena Wati, Hamka, Abdullah Hussain dan lain-lain, nilai-nilai agama masih jelas kelihatan walaupun bentuk karya mereka lebih bercirikan novel daripada hikayat. Demikian juga dengan karya-karya Nur Sutan Iskandar dan Syed Syeikh al-Hadi yang lebih bercirikan hikayat tetapi tetap mengutarakan persoalan keagamaan atau bersemangat keagamaan. Kita sebenarnya tidak jauh daripada tradisi sastera kita sendiri sebab tidak mungkin budaya dan pemikiran kita menghanyutkan kita jauh dari tradisi kita yang kaya dengan nilai dan mengandungi asas keagamaan yang kukuh.

Apabila membicarakan alaf baru dan arus tuju sastera kita, maka kita harus sedar bahawa jika berlaku kelencongan dan kepincangan, maka kelencongan dan kepincangan itu berada dalam lingkungan 50 - 60 tahun sahaja, iaitu antara tahun-tahun 40-an hingga tahun 80-an, dan bukannya satu abad atau satu alaf. Jika bilangan tahun tersebut dibandingkan dengan sejarah pemikiran manusia atau sejarah tamadun, maka ia terlalu pendek malah tidak bermakna sama sekali. Jika dilihat dengan pandangan yang begini, kita sebenarnya tidak banyak berubah. Sejarah singkat pemodenan sastera Melayu harus dilihat sebagai detik perubahan yang menunggu masa untuk berubah semula dan kembali kepada landasan asalnya semula.

Alaf baru juga tidak memberikan makna yang besar kecuali dalam takwim hari bulan dan tahun. Manusia tetap manusia. Peristiwa tetap peristiwa. Corak akan berubah jika kita berubah dari segi pemikiran dan semangat serta keyakinan. Kita hanya menggembar-gemburkan alaf baru sebagai sesuatu yang baru dan ingin mencari hala tuju yang baru pula. Jika pemikiran masyarakat tidak berubah, maka alaf baru tidak memberikan sebarang makna. Malah, jika ia berubah ke hala yang jelik, kita sebenarnya kembali ke alaf yang dulu atau yang lebih jahiliah sifatnya. Memperbaharui tekad tidak bermakna mencorakkan akal budi, pemikiran dan peribadi. Kita perlu bina semangat atas roh yang kita miliki.

Jika tidak, adakah ia sebenarnya akan berubah? Atau pun jika kita berubah, apakah ke arah yang baik atau pun yang lebih keliru dan kacau-bilau?

Kita akan membicarakan pula masyarakat beradab atau masyarakat sivil. Sebenarnya apa yang dikatakan sebagai sivil berperadaban itu ialah pancaran hidup keagamaan, beradab dalam pengertian yang luas, masyarakat dan individu serta mempunyai sasteranya sendiri yang berlandaskan pemikiran yang jelas. Dalam bahasa Arab, sastera juga disebut adabiyat atau keadaan beradab. Apa yang dimaksudkan dengan beradab ialah tahu menulis, membaca, serta memahami, dan mengamalkan agama. Kefahaman ilmu agama yang mendalam dan menyedari keperluannya dalam membina tatakehidupan yang harmonis dan jelas akan memancarkan nilai-nilai agama tersebut dalam penulisan untuk pemahaman orang ramai dan seterusnya mewujudkan perpaduan dan penyatuan, dan masalah perbezaan nilai tidak timbul dan akhirnya mewujudkan aman tenteram. Dalam bahasa Sanskrit dan tradisi Hindu, sastera ialah penulisan yang menjelaskan agama juga, selain sutra dan yoga yang penting dalam amalan agama. Demikian juga dalam tradisi Kung-fu-tzu dan Lao-tzu. Sastera dalam tradisi-tradisi tersebut tidak pernah memisahkan diri dengan falsafah pemikiran, adab kehidupan dan nilai pemikiran serta amalan keagamaan.⁸ Apa yang dimaksudkan dengan adab ialah ilmu dan amal serta hikmah yang bertepatan dengan kehendak akal budi manusia dan masyarakat yang berkaitan. Disebabkan oleh kesedaran dan amalan tersebut, maka timbullah adab, budi pekerti serta kesaksamaan dalam pemikiran dan masyarakat. Masyarakat yang beradab ialah masyarakat yang bertamadun dan perkataan tamadun tersebut ialah daripada kata dasar agama juga iaitu `din⁹ yang bermaksud manusia tanpa agama tidak bertamadun.

Masyarakat sivil harus mempunyai sastera yang tinggi mutunya dan dapat memperjelas bahawa manusia sebagai haiwan yang berakhlak dan manusia perlu berakhlak kerana akhlak adalah sebahagian daripada faktor kejadian langit dan bumi dan manusia wujud di antaranya. Masyarakat sivil ialah masyarakat

⁸ Lihat J. Campbell, Fung Yu Lan dan Wang Tsit Chan. 9

yang membawa perpaduan di sebalik perbezaan. Maksudnya, setiap kumpulan mengetahui tentang wujudnya perbezaan antara satu sama lain, tetapi mengiakan persamaan yang terdapat dalam hati sanubari dan akal budi masing-masing yang menjangkau jauh mengatasi faktor-faktor zahir kejadian manusia. Maka itu, mereka boleh hidup bersama kerana persamaan tersebut lebih mulia daripada perbezaan yang hanya kekulitan sifatnya.¹⁰

Oleh sebab itu, masyarakat madani boleh tinggal di bandar dan tidak perlu menjadi golongan yang terasing seperti orang Badwi yang tinggal sendiri-sendiri di padang pasir. Demikian juga dengan tradisi hidup Melayu yang mengiktiraf puak Bugis dan Sunda, Dayak dan Sulu, tetapi tetap Melayu dalam agama dan pantulan akal budi. Itulah semangat tamadun Melayu yang hidup bersama beramai-ramai, tidak berpecah belah dan madani sifatnya kerana mereka mengiktiraf perbezaan zahir dan perpaduan batin. Ini adalah semangat negara Islam dan merupakan ajaran Islam sendiri.

Islam dan agama-agama Timur membawa semangat dan amalan yang kita bayangkan di atas dan bukannya Barat sekular moden yang sepanjang sejarahnya membahagi-bahagikan daerah dan negeri, bahasa dan budaya sehingga memperkecil perpaduan bangsa manusia dan bukannya membesarkan perpaduan bangsa manusia. Kemunculan negara-negara kecil berlaku setelah kedatangan kuasa Barat. Bahasa-bahasa yang sudah bersatu dengan bahasa-bahasa besar turut menjadi kecil akibat penjajahan Barat. Memisahkan budaya dan adat resam, melahirkan golongan antropologi dan sosiologi yang gagal memahami budaya kelompok adalah juga hasil daripada pendidikan Barat yang gagal memahami maksud di sebalik mitos dan legenda tradisi. Islam dan agama Timur menyatukan bahasa yang kecil ke dalam bahasa yang besar. Contohnya

⁹ Lihat S.M.N. al-Attas, *Islam - Konsep Agama dan Moral*, ABIM, Kuala Lumpur, 1980.

¹⁰ Makna tamadun dalam Islam seperti yang saya kemukakan dalam wawancara dengan Sdr. Budi Munawar Rachman yang disiarkan dalam jomal Mum al: Qur'an, Jakarta, 1984.

bahasa Parsi, Arab, Melayu, Turki, Sanskrit, Mandarin dan Pali. Ini Jinyatakan sebagai desi (lorong) dan marga (lebuh raya) dalam tradisi agama Hindu.¹¹

Harus jelas kepada kita bahawa sehingga sekarang ini unsur pemisahan masih jelas dalam pemikiran Barat sekular moden seperti dalam fahaman pascamoden tentang keindahan atau estetika. Fahaman pascakolonial kononnya menonjolkan keindahan golongan negara ketiga dan budaya negara ketiga sebagai indah dalam dirinya sendiri dan tidak mengambil fahaman moden sebagai asas ,ian contoh. Jika setiap satu ditonjolkan sebagai indah, maka apakah konsep indah yang akan merangkum dan menyatukan semuanya seolah-olah tidak ada konsep indah yang universal sifatnya. Setiap satunya indah yang tersendiri tanpa ikatan. Ini bermakna, memperkecil konsep keindahan yang universal dan tiada perpaduan dalam kepelbagaian, atau `merojakkan' konsep keindahan sehingga tidak ada perkongsian makna keindahan. Jelas sekali bahawa Islam dan agama-agama utama bangsa manusia tidak menolak konsep keindahan yang universal dan mengiktiraf semuanya sebagai indah belaka.

Dalam Islam, prinsipnya memperlihatkan persamaan dalam perbezaan dan bukannya perbezaan yang mutlak dalam setiap sesuatu. Penggabungan keindahan dalam seni pascamoden membinasakan makna dan akhirnya tidak membawa kepada fahaman sivil yang jelas. Kita boleh menyatakan bahawa perkara ini membawa kepada pengertian seni untuk seni dan bukannya seni untuk masyarakat. Tetapi, seni untuk seni masih memerlukan konsep seni kerana seni bukannya emosi.

Demikian juga halnya dengan apa yang dikatakan sebagai kajian teks atau interteks yang lebih menjurus kepada kaedah daripada keputusan. Teks tidak lahir tanpa teks yang asal dan tidak ada teks hakiki yang menjelaskan teks-teks lain. Maknanya, teks terhad kepada teks itu sendiri dan tidak membawa makna yang universal kepada teks malah tidak menggambarkan masyarakat teks, tetapi teks di luar terhasil daripada penulis teks. Pada mulanya, penulis dan teks bersatu dan seterusnya, teks adalah sebagai teks tersendiri tanpa diri penulis.

¹¹ Lihat Ananda Coomaraswamy, *The Christian and Oriental Philosophy of Art*, Dover Press,

Fahaman yang begini dan yang pascamoden telah menambahkan kekusutan kepada makna teks tanpa menghiraukan makna, yang akhirnya menjadikan semua makna sebagai satu kebenaran yang terbuka yang tidak pasti kebenarannya sendiri. Semangat dan prinsip kaedah yang begini adalah jelas bertentangan dengan nilai dan prinsip Islam dan keagamaan umumnya. Kaedah yang sedemikian juga adalah antiperpaduan dan tidak berminat kepada perpaduan makna yang sebenarnya antisivil dan membinasakan kehidupan dan pemikiran sivil.

Apabila kita mengatakan sivil, ia adalah berkaitan dengan sivilisasi atau tamadun. Tamadun haruslah suatu keadaan yang menjadi tapak kukuh kepada tradisi pemikiran yang lama, kekal, berterusan dan boleh mempengaruhi tradisi-tradisi kecil sehinggakan yang kecil itu meresap ke dalam tradisi yang besar dan jelas menjadi universal. Masyarakat sivil yang begini hanya terdapat dalam tamadun-tamadun agama besar dunia dan bukannya di Eropah dan Barat yang memperagakan diri sebagai bertamadun. Kita tidak boleh menggunakan istilah tamadun Inggeris atau tamadun Perancis, tamadun Belanda, tamadun Indonesia, Malaysia dan Singapura. Kita mungkin menggunakan istilah tamadun Eropah kepada prinsip dan falsafah pemikiran yang jelas bersamaan antara masyarakat di negara-negara Eropah, tetapi prinsip ini tidak lama dapat bertapak kerana ia sentiasa berubah. Maknanya adalah lebih jelas jika kita menggunakan istilah tamadun Nasrani berbanding dengan istilah tamadun Eropah. Kita tidak boleh menggunakan istilah tamadun Rusia walaupun negaranya luas tetapi ialah tamadun Yunani walaupun negaranya kecil. Dalam apa hal sekalipun, perlu adanya ciri kepada tamadun dan masyarakatnya.

Kemunculan tamadun di Alam Melayu adalah disebabkan oleh kedatangan Islam dan pengaruhnya. Tidak wujud tamadun sebelum kedatangan Islam ke Alam Melayu. Dengan yang demikian, apabila kita mengatakan membina sastera masyarakat sivil, faktor yang dikemukakan di atas harus juga diambil kira kerana

pada akhirnya, kita perlu memberikan definisi kepada masyarakat sivil alaf baru yang akan dibentuk.

Masyarakat sivil juga ialah masyarakat yang boleh mempengaruhi masyarakat lain tetapi tidak akan lenyap dalam masyarakat lain tersebut. Ini disebabkan oleh kekuatan dari segi ilmu, pemikiran yang jelas dan amalan yang berterusan sepanjang sejarah. Dalam Alam Melayu, hanya Islam yang membawa kepada keadaan ini apabila daerah-daerah lain disatukan melalui bahasa, sastera dan budaya sehingga menimbulkan perpaduan yang berpanjangan dan masih berterusan sehingga kini.

III

Sejak bermulanya Polemik Budaya di Indonesia dan kemunculan Angkatan 45 di negara itu serta Angkatan 50 di Tanah Melayu, usaha mencari falsafah baru bangsa-bangsa baru Indonesia dan Malaysia adalah berterusan sehingga kini. Kemunculan penyair Khairil Anwar dan golongan baru angkatan sasterawan pada zaman awal telah meninggalkan Amir Hamzah, Sanusi Pane jauh terkebelakang. A. Teeuw¹² menggambarkan seolah-olah munculnya satu zaman baru sastera Indonesia yang berbeza dengan sastera Melayu lama yang sama keadaannya apabila Abdullah Munsyi meninggalkan tradisi penulisan lama dan membentuk sastera Melayu sebagaimana yang dibesar-besarkan oleh Wilkinson, Winstedt dan lain-lain.

Apa yang berlaku ialah kemunculan percubaan baru yang belum jelas mempengaruhi pemikiran sastera Indonesia dan Melayu ketika itu yang tidak mencorakkan zaman yang baru dan berlainan daripada yang lampau. Apa yang baru ialah apa yang terkandung dalam pemikiran segelintir kecil sasterawan dan sokongan kuat oleh pendeta-pendeta Belanda dan Inggeris yang belum mahir dalam ilmu menilai sejarah dan pemikiran bangsa manusia. Dalam benak

¹² Lihat Baharudin Ahmad, 'Malay Literature' dalam *The Encyclopaedia of World Spirituality*, Vo1.20, Crossroad, New York, 1989.

mereka ini, digambarkan apa yang baru itu seolah-olah sudah muncul. Diri yang bersifat individualis, rasionalis dan universalis kononnya sudah muncul. Ini diikuti pula oleh penulis guru dan wartawan yang melihat obor perjuangan kebangsaan sebagai teras sastera dan menulis dengan mengkritik orang-orang Melayu, dan meninggalkan tradisi penulisan Melayu serta corak sastera Melayu dalam arus sastera yang utama.

Semangat nasionalisme yang sempit ini jugalah yang memisahkan bahasa-bahasa utama masyarakat yang telah lama bersatu di Alam Melayu membinasakan tulisan Jawi dan mengajar murid-murid di sekolah dan pelajar-pelajar di universiti tentang konsep moden dalam sastera Melayu yang menuruti corak serta bentuk sastera Barat yang moden. Kaedah ini telah memisahkan diri secara perlahan-lahan daripada aliran sejarah sastera Melayu yang utama yang difahami dan dipelajari oleh masyarakat Melayu sendiri.

Perwakilan ini ialah perwakilan yang tidak dipilih, dan digembar-gemburkan dalam akhbar dan buku-buku teks yang dibantu oleh para penulis Barat yang tidak benar-benar mendalami ilmu sastera, pemikiran dan falsafah.

Kelahiran kaedah-kaedah pengkajian sastera menerusi teori-teori sastera seperti strukturalisme, formalisme, analisis psiki, kajian interteks, dan kajian teks seolah-olah telah berjaya mencungkil makna dalam teks zaman lampau dan kini. Oleh itu, tiadalah demikian lagi rahsia dalam teks zaman lampau tersebut dan sekali gus rahsia dalam tradisi agama dan pengajaran tradisi-tradisi tersebut juga turut terjawab. Sudah pastilah bahawa kenyataan yang tersembunyi dalam fahaman yang sedemikian itu, jauh menyimpang daripada kebenaran.

Prinsip-prinsip penting dalam aliran pemikiran dekonstruksi, teori pembaca-respon, dan pascamoden telah menunjukkan bahawa aliran terkini juga turut tidak memisahkan diri dengan aliran umum pemikiran dan falsafah asas pemikiran moden yang memisahkan diri dengan agama. Kehilangan makna agama adalah akibat daripada kedegilan pemikiran tersebut melihat nilai sebenar pemikiran dan kerohanian agama sebagai asas yang mutlak dalam memahami

teks klasik dan juga yang muncul daripada tradisi agama. Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas¹³ telah banyak menyentuh persoalan ini kira-kira 27 tahun yang lampau. Demikian juga Prof. Caesar Adip Majul dan Ananda Coomaraswamy.¹⁴

Menurut Prof. Dr. Syed Muhamrnad Naquib al-Attas, Islam dah membawa semangat baru dan hanya kemudiannya digembar-gemburkan semula kewujudannya sebagai kesan daripada pengaruh barat moden. Malah, ketinggian pemikiran Sufisme aliran Hamzah dan Nuruddin¹⁵ sudah cukup menjelaskan bahawa apa yang kita katakan sebagai sastera selama ini masih belum mencapai tahap kematangan para pemikir zaman silam yang berpandukan metafizik Warn dalam pengupasan mereka terhadap Tuhan, diri individu, kejadian, alam dan masyarakat; dan sesuatu yang paling asas dalam sutera yang telah kita lupakan sejak kita mengambil aliran pemikiran moden yang dangkal dalam banyak aspek sastera tradisional. Seperti mana yang dinyatakan oleh Rene Guenon,¹⁶ pemikir yang julung kali mengkritik Barat kerana kedangkalannya terhadap fahaman manusia tradisional yang mengatakan bahawa masyarakat moden gagal memahami mitos, legenda dan pernyataan sastera tradisi yang mereka remehkan dan tidak ada usaha mendalaminya. Demikian juga dengan Ananda Coomaraswamy yang mengkritik ieras pandangan moden terhadap sastera rakyat dan fahaman manusia tradisi. Kita tidak dapat menyenaraikan nama para sarjana v ang mula mendesak para penulis dan pengkaji sastera Barat supaya kembali kepada makna asal tradisi yang berkaitan rapat dengan agama dan penjelasan dasar-dasar agama dalam sastera. Bagi mereka, dengan cara ini sahaja sastera akan mendapat nafas baru dan mendatangkan kesan dalam usaha membaca dan mengkajinya. Di sini juga, kita menyarankan hal yang sama dan menyeru kepada rombakan asas dalam

¹³ Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement On the Islamization of The Malay Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.

¹⁴ Lihat Ananda Coomaraswamy, *The History of Indian and Indonesian Art*, Dover Press, New York, 1960.

¹⁵ Lihat karya-karya al-Attas tentang kedua-dua tokoh yang berkenaan.

fahaman sastera dan makna sastera, terutamanya sekali sastera tradisi yang kini telah kurang diminati.

Membina semula sastera masyarakat sivil alaf baru telah memaksa kita kembali melihat tujuan serta objektif sastera dan makna asal yang terkandung dalam sastera. Dengan cara ini sastera akan berfungsi semula dalam ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan, dan seterusnya menjadi landasan penyatuan fahaman dan kaedah penting memahami pernyataan agama melalui bahasa dan genre penulisan.

Tidak dapat dinafikan bahawa bidang pengajian sastera akan terus berkembang daripada kaedah kajian kepada sastera bentuk baru seperti feminisme, sastera hijau, sastera alam persekitaran, sastera k atau sastera ilmu pengetahuan dan sebagainya, mengikut arus pemikiran dan falsafah cebisan Barat yang cuba membawa kedinamikan dalam sastera. Namun, persoalan asas dalam sastera, hubungannya dengan agama, hubungan agama dengan kerohanian, konsep manusia serta tujuan sastera yang asal yang mendekatkan diri manusia dengan pengalaman diri batinnya dan sebagai kaedah memperjelas agama dan sistem spiritual masih kabur dan hampir dilupakan. Saya rasa tidak ada jalan lain bagi memahami tradisi sastera lama dan sastera Timur lainnya, kecuali dengan memahami sastera seperti asalnya dan seterusnya menjalani alaf baru yang menuntut kita membuat beberapa perubahan asas bagi menuju ke arah sastera masyarakat sivil alaf baru.

IV

Konsep-konsep Utama Bidang Kemanusiaan dan Kemasyarakatan

Pada umumnya, konsep-konsep utama dalam bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan adalah merujuk terus kepada konsep-konsep moden dalam bidang pengajian masing-masing. Konsep masa misalnya, dalam fahaman falsafah moden yang bersifat mendatar dan menuju ke depan dalam garis lurus

¹⁶ Lihat penulisan Rene Gueno, terutamanya *The Reign of Quantity and the End Of Time*,

tidak menemui asalnya semula. Melalui konsep yang sedemikian, kita mentafsir kemajuan, dinamika kehidupan, sejarah, waktu dan masa, ruang dan sebagainya tanpa melihat masa dalam konsep-konsep yang lebih klasik sifatnya seperti konsep `sa'ah', `kala', `perulangan', `ruang' dalam fahaman tradisi. Menilai karya tradisi memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap konsep masa dan tidak boleh disamakan dengan konsep masa manusia moden. Demikian juga dengan konsep-konsep utama yang lain, seperti konsep manusia, keadilan, dan jam yang berhierarki dan bukannya alam yang mendatar, dan :lam yang berbagai-bagai dan bukannya alam yang bersifat bumi. Konsep sejarah misalnya, tidak sama di antara yang moden dengan konsep sejarah zaman klasik. Demikian juga dengan konsep ilmu serta pengetahuan, kemajuan, tamadun, konsep diri, konsep darma atau landasan menuju kepada alam yang asal. Manusia yang bertamadun atau masyarakat madani tidak menolak sesuatu konsep ~ang sedia ada di dalam tamadunnya sendiri hanya disebabkan oleh pandangan lain yang menyalahkan konsep tersebut, tetapi sebaliknya meneliti dan memahami dengan sebaik mungkin konsep-konsep yang lama itu; merenung kembali nasib masa depannya ;upaya tidak terbelenggu dengan konsep-konsep yang jumud dan beku yang disogokkan ke atasnya oleh pandangan masyarakat lain. Ia berusaha menentukan arah penyatupaduan dirinya sendiri dan tidak menerima sesuatu dengan membabi buta.

Bidang ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan seharusnya mempelbagaikan pandangan masing-masing dan menyediakan wadah perbandingan dan pemikiran yang bebas daripada sebarang sekatan dan desakan pandangan popular. Perlu dinilai kembali bidang-bidang ilmu seperti sosiologi dan antropologi supaya logika antropos dan logika kemasyarakatan itu dibentuk semula dalam acuan yang baru yang dapat memperjelas manusia dan masyarakat daripada pelbagai sudut pandangan, dan bukannya daripada pandangan pemikir dan sarjana Barat yang telah mengalami nasib keilmuan

yang terpencil dan terus melihat diri mereka sendiri. Masyarakat sivil alaf baru ialah masyarakat yang kritis akal budinya dan mempunyai daya yang kuat untuk menilai kembali dirinya dan tradisi keilmuannya. Salah satu maksud sivil ialah bebas dan tidak menjadi abdi kepada fahaman yang dibawa masuk dan disogokkan ke atasnya.

Menghapuskan Konsep Lama dan Baru dalam Sejarah Sastera

Konsep sastera dan sejarah dalam tradisi Timur dan agama-agama utama tidak memisahkan diri di antara zaman dengan zaman, malah merupakan aliran yang berterusan dan sentiasa kembali semula kepada yang asal. Tidak ada zaman moden dalam sejarah Islam dan juga fahaman sejarah daripada pandangan Islam. Malah Islam menyatakan bahawa dirinya sebagai memperbaharui agama-agama yang lampau dan meneruskan akidah yang sama. Demikian juga dalam tradisi agama Hindu bahawa Upanishad ialah penjelasan kepada Veda dan Bhagavadgita yang juga penjelasan kepada Upanishad. Tradisi Samkya, Advaita-Vedanta dan lain-lain juga berdasarkan kepada Veda dan Upanishad. Tidak ada penghapusan zaman, dan juga zaman celik yang baru sedangkan yang ada ialah zaman lampau yang buta. Demikian juga halnya dalam tradisi falsafah Cina dan Buddha. Dalam fahaman Barat moden yang sekular sahaja menunjukkan bahawa zaman dalam sejarah bangsa manusia dipisahkan di antara Zaman Gelap dengan Zaman Pertengahan dan seterusnya Zaman Pertengahan dengan Zaman Moden dan Zaman Moden dengan Zaman Pascamoden. Pada setiap zaman, manusia dikatakan menempuh laluan ke arah kejelasan dan cahaya baru yang bertambah baik dan sempurna keadaannya berbanding dengan yang lama. Dalam fahaman antropologi, manusia menjalani proses daripada keadaan primitif kepada moden.

Di negara-negara kita juga bidang sastera turut terpengaruh dengan fahaman masa yang sedemikian, sehinggakan kita memisahkan sejarah sastera kita yang lama dengan yang baru. Yang lama itu, seperti kata Teeuw ialah sastera Melayu, sementara yang baru ialah sastera Indonesia. Alangkah jeliknya pandangan yang sedemikian yang disogokkan kepada kita tanpa usul

periksa. Maka, yang lama itu, iaitu yang telah menjadi hak kita bersama telah dilupakan dan ditenggelamkan sedangkan yang baru kita suburkan kerana kononnya ia mewakili negara masing-masing yang sedang dibina. Oleh itu, yang baru itulah yang kita tonjolkan dan kita perendang-rendangkan. Kita sanggup meninggalkan yang lama yang telah menjadi khazanah bersama dan memisahkan diri untuk hidup sendirian ibarat kaum Badwi di padang pasir yang hidup berasingan. Sebenarnya, kita membelakangkan sifat sivil yang harus ada kepada kita dan sebaliknya memilih kebiadaban sebagai ganti. Kita memilih keceraian dan bukannya kesatuan.

Sastera Melampaui Batasan Negara

Sastera masyarakat sivil alaf baru harus kembali kepada sifat universal sastera seperti dahulu dan tidak membataskan diri dalam sempadan rekaan yang dibentuk sebagai negara-negara moden. Sastera Melayu ialah sastera masyarakat Melayu dan Indonesia, Singapura dan Brunei, selatan Filipina dan selatan Siam. Sastera ini boleh disatukan dengan cara menjadikan bahasa ibunda yang asal untuk menyemarakkan sastera masing-masing. Malah jika bahasa lain digunakan seperti dalam kes Indonesia, maka konsep-konsep utama keagamaan masih mengikat sastera negara itu dengan sastera di negara-negara jirannya. Kejiranan budaya dan bahasa sudah tentu lebih utama daripada kejiranan sempadan rekaan. Sastera bersama seharusnya berlandaskan budaya bersama. Sempadan budaya seharusnya dipentingkan daripada sempadan politik dan kenegaraan dalam pengertian yang singkat. Tidak mungkin masyarakat `minoriti' Singapura membina semula sastera mereka dan sebaliknya melupakan tradisi sastera yang asal, iaitu tradisi sastera Melayu. Masuri S.N. merupakan sasterawan Melayu dan bukannya sasterawan Singapura. Tidak masuk akal jika dikatakan bahawa Masuri S.N. mewakili sastera yang berbeza daripada sastera Melayu.

Demikian juga halnya dengan sastera Parsi di Asia Tengah, sastera Turki di Balkan, sastera Arab di Timur Tengah, sastera Urdu di India, dan sastera Berber di utara Afrika. Jika ditinjau daripada kaca mata yang universal, maka semua

sastera daerah itu akan mengalir masuk ke dalam lautan sastera Islam dan sastera agama-agama utama dunia kerana di situlah asal usulnya dan perlu kembali ke tempat asalnya jika sastera daerah itu ingin mengenal dirinya kembali.

Dalam masyarakat bertamadun alaf baru, kita perlu kembali kepada yang universal dan menolak yang 'local' atau yang kedaerahan sifatnya kerana yang universal itu dapat mengembalikan perpaduan bangsa manusia dan tidak memisahkannya. Adalah jahil jika kita mengatakan bahawa kita harus bernisbi-nisbi ke dalam daerah dan sempadan negara apabila kita membicarakan sastera, iaitu bidang ilmu yang luas dan pernah menyatukan kelompok-kelompok manusia yang kecil kepada yang induk.

Bahasa Merupakan Asas Pembentukan Sastera

Bahasa ialah asas kepada makna dan konsep. Perubahan kepada bahasa, bermakna mengubah makna dan konsep sehingga boleh menghilangkan makna yang asal, dan dengan itu memutuskan sejarah makna dalam kefahaman terhadap konsep. Aliran perubahan yang cepat dalam bahasa Melayu kini akan meninggalkan kefahaman asal bahasa klasik dan seterusnya memundurkan bahasa klasik tersebut dan memutuskan sejarah bahasa Melayu. Secara tidak langsung, sejarah sastera juga akan turut berubah daripada yang lama kepada yang baru kerana kegagalan memahami yang lama itu. Oleh sebab itu, sastera moden kini lebih ditampilkan berbanding dengan sastera klasik atau sastera lama dan juga kemunduran bahasa Melayu itu sendiri terutamanya istilah yang baru telah menggantikan istilah yang lama kerana istilah dan konsep yang lama itu gagal difahami. Daerah semantik konsep serta istilah lama itu semakin kecil malah hampir terhapus setelah digantikan dengan daerah semantik baru yang menyempitkan makna bahasa.

Apabila kita menggantikan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia, bahasa Malaysia, bahasa Melayu Singapura dan bahasa Melayu Brunei, maka seolah-olah bahasa baru tersebut boleh dibentuk oleh entiti geografi yang sebenarnya tidak terlibat dengan pembentukan konsep dan dasar, falsafah

pemikiran dan budaya. Selain memisahkan diri daripada bahasa Melayu dan juga sastera Melayu, pemisahan ini juga mengecilkan daerah bahasa Melayu itu sendiri dan memberi ruang kepada pembentukan bahasa-bahasa baru yang lebih kecil dan kurang berpengaruh. Tidak sukar jika kita memahami bahawa bahasa seharusnya terus berkembang dan bukannya bertambah mengecil. Bahasa yang sama pula jika sama-sama berkembang akan menyemarakkan lagi kekayaan bahasa-bahasa tersebut. Dalam hal ini, tidak mustahil jika kita menggunakan istilah yang sama untuk bahasa negara yang berlainan sama sebagaimana yang dialami oleh bahasa Inggeris.

Bahasa yang dikenal pasti dengan nama yang berbeza, kita akan terus menyatakan bahawa sastera negara-negara di Alam Melayu juga merupakan sastera yang berbeza dan akhirnya manusia di Alam Melayu itu turut dikatakan manusia yang berbeza. Kita mengemukakan perpecahan dan bukannya perpaduan. Saya ada mendengar istilah seperti orang Melayu Singapura atau orang Melayu Brunei yang bertujuan untuk menyatakan perbezaan dan bukan sekadar pengenalan daerah. Apa yang ada kepada kita semua ialah bahasa Melayu dan sastera Melayu yang dikongsi bersama, ibarat sungai yang mengalir masuk ke dalam lautan Islam yang maha luas. Membentuk identiti bahasa melalui identiti negara yang baru lahir merupakan satu kesalahan besar yang akhirnya menyebabkan perpecahan sesama kita yang telah disatukan selama ratusan tahun yang lampau.

Dalam arus pembangunan, bahasa di setiap negara turut menempuh kemajuan terutamanya istilah-istilah yang berkaitan dengan bidang ilmu pengetahuan moden telah dibesar-besarkan sedangkan ia tidak langsung meninggalkan bahasa hikayat, bahasa kitab, bahasa pantun dan seloka, syair dan gurindam yang akhirnya memencilkan kekayaan bahasa Melayu itu sendiri dan merugikan sastera Melayu. Bahasa Melayu menuju ke arah bahasa 'lingua franca' sama seperti ratusan tahun yang lampau dan memencilkan dirinya daripada menjadi bahasa falsafah dan pemikiran, akhlak dan makna kehidupan. Dalam hal ini, kita semua sebenarnya bertambah mundur dan

bukannya bertambah maju, dan oleh itu harus membina bersama masyarakat sivil yang kini sedang menghadapi pelbagai ancaman yang dahsyat.

Pemencilan bahasa juga bermakna pemencilan sastera dan falsafah pemikiran. Jika kita ingin membina masyarakat sivil alaf baru maka kita harus menuruti konsep masa yang diamalkan oleh masyarakat beragama dan masyarakat tradisi, iaitu setiap pengembalian setiap zaman kepada zaman emas yang awal dan arus perubahan yang menjauhkannya daripada zaman emasnya harus berakhir dengan pengembalian semula kepada zaman emas itu dan tidak terus-menerus berubah mengikut konsep masa moden yang putus daripada jalan kembali.